

**ARABIC SENTENCE CONSTRUCTION AMONG SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY (UPSI) STUDENTS**

**PEMBINAAN AYAT BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

Mohammad Taufiq Abdul Ghani<sup>i</sup> Saipolbarin Ramli<sup>ii</sup> & Mohd Zawawi Awang Hamat<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding Author). Pensyarah, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).  
taufiq@fbk.upsi.edu.my

<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).  
saipolbarin@fbk.upsi.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah, Pusat Bahasa & Pengajian Umum, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).  
mohd.zawawi@pbmpu.upsi.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>The weakness of Arabic students is often a debate among educators and researchers, although the Arabic language in Malaysia has undergone several improvements. This problem does not only occur at the school level, but it also extends to institutions of higher education. The low level of grammar understanding of Arabic sentences affects the mastery of the Arabic language itself. Therefore, this study aims at identifying the problem of Arabic sentences construction and the common mistakes faced by Arabic students at the Sultan Idris Education University. A set of questionnaire was administered to 164 Arabic students who were randomly selected to participate in the survey. Quantitative findings were analyzed descriptively using the IBM SPSS Statistic 24 software. The results showed that the construction of Arabic sentences among students from morphological and syntactical aspects is at high level while lexical aspect is at moderate level.</i></p> <p>Keywords: Arabic, Language, Sentence, Skill, Morphology.</p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Kelemahan pelajar menguasai bahasa Arab sering menjadi perdebatan dalam kalangan pendidik dan penyelidik walaupun bahasa Arab di Malaysia sudah mengalami beberapa proses penambahbaikan. Masalah ini bukan sahaja berlaku di peringkat sekolah, malah ia berlanjutan dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Tahap pemahaman struktur ayat bahasa Arab yang rendah memberi kesan terhadap penguasaan bahasa Arab itu sendiri. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah pembinaan ayat bahasa arab serta aspek kesalahan yang sering dilakukan oleh pelajar bahasa Arab di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Satu set soal selidik yang mengandungi dua bahagian telah diedarkan kepada 164 orang pelajar bahasa Arab yang telah dipilih secara rawak mudah untuk mengambil bahagian di dalam kajian tinjauan ini. Hasil dapatan yang berbentuk kuantitatif dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian IBM SPSS Statistic 24. Hasil dapatan menunjukkan pembinaan ayat bahasa Arab dalam kalangan pelajar dari aspek morfologi dan sintaksis berada di tahap yang tinggi manakala dari aspek leksikal pula berada di tahap yang sederhana.</i></p> <p>Kata kunci: Bahasa, Arab, Ayat, Kemahiran, Morfologi.</p>

## **PENDAHULUAN**

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab di Malaysia semakin berkembang dari masa ke semasa (Nafi@Hanafi et al., 2017) bermula dari peringkat sekolah rendah dengan program JQAF (Jawi, Al-Quran, bahasa Arab, dan Fardu Ain) yang diperkenalkan pada tahun 2004. Manakala di peringkat sekolah menengah pula, pembelajaran bahasa Arab sudah bermula semenjak tahun 1977 sehingga kini. Pembelajaran bahasa Arab terus berkembang pesat di peringkat yang lebih tinggi sama ada di institusi pengajian tinggi awam atau swasta. Pada peringkat awal sistem pendidikan negara Malaysia, proses pengajaran Bahasa Arab menggunakan pendekatan komunikatif. Matlamat utama pendekatan komunikatif ini adalah untuk mencapai kompetensi dan keupayaan komunikasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002).

Penguasaan Bahasa Arab di Malaysia menjadi pengukur kepada kemampuan pelajar dalam menguasai empat kemahiran berbahasa yang utama iaitu bertutur, mendengar, membaca dan menulis (Zunita et al., 2016). Hasil penguasaan ini dapat meningkatkan kemampuan pelajar untuk membina ayat dengan baik. Walaupun pembelajaran bahasa Arab sudah bermula di peringkat sekolah rendah, penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar masih tidak signifikan (Wan Abdul Hayyi et al., 2012). Masalah penguasaan bahasa Arab khususnya dalam aspek pembinaan ayat tidak terhad dalam kalangan pelajar sekolah sahaja, malah masalah ini berlanjutan di peringkat institusi pengajian tinggi (Saipolbarin et al., 2018). Para pelajar masih gagal membina ayat-ayat yang gramatis mengikut struktur yang betul (Naimah, 2003).

Pelbagai kaedah pengajaran telah diperkenalkan dan digunapakai bagi mengatasi masalah ini. Pemilihan kaedah dan teknik yang betul dapat melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Proses PdP dalam kalangan pelajar bukan penutur jati bukan satu tugas yang mudah. Ia memerlukan komitmen yang tinggi dari guru dan juga pelajar. Faktor-faktor luar juga memainkan peranan yang penting bagi memastikan pelajar dapat menguasai bahasa Arab. Kelemahan pelajar dalam membina ayat bahasa Arab yang baik harus ditangani bagi mewujudkan interaksi dan kefahaman semasa mempraktis bahasa Arab.

Oleh itu, kajian ini akan membincangkan masalah dan aspek kesalahan pembinaan ayat Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Dengan Pendidikan (ISMBAP), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Seterusnya, ia mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pembinaan ayat bahasa Arab. Begitu juga ia akan menganalisis aspek kesalahan utama yang dilakukan oleh pelajar dalam pembinaan ayat bahasa Arab.

## **PENYATAAN MASALAH**

Isu penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sentiasa diperdebatkan (Kamarul Syukri et al., 2009) terutama penguasaan kemahiran berbahasa Arab di peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi. Empat kemahiran berbahasa Arab yang utama masih berada di tahap sederhana dan lemah. Pencapaian pelajar dalam kemahiran mendengar berada di tahap sederhana (Nik Mohd Rahimi et al., 2008).

Para pelajar juga menghadapi masalah pertuturan menyebabkan pelajar tidak mampu untuk menyertai perbincangan atau aktiviti dalam kelas (Daud & Pital, 2014; Din et al., 2014). Selain itu, kajian lepas juga menunjukkan tahap kebolehbacaan dalam kalangan pelajar berada di tahap yang lemah (Kamarulzaman, 2011) dan masalah ini juga berlanjutan pada kemahiran menulis di mana pelajar masih berada di tahap yang lemah (Muhammad Zahri & Muhammad Haron, 2016).

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada masalah penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar antaranya ialah faktor persekitaran. Persekitaran bahasa Arab memainkan peranan yang penting dalam proses pembelajaran bahasa Arab. Proses ini akan menjadi agak sukar bagi pelajar yang tidak pernah mengalami persekitaran sebenar bahasa Arab (Baharuddin, 2012). Permasalahan ini akan mendorong kepada kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar terutama dalam aspek

pertuturan dan penulisan (Kamarul Syukri et al., 2009). Hal ini akan menyebabkan pelajar takut dan tidak berkeyakinan untuk mempraktis bahasa Arab sama ada dalam atau di luar kelas (Awang et al., 2013; Muhamad Hanan, 2011). Hal ini menyebabkan pelajar gagal mengikuti kursus di peringkat institusi pengajian tinggi dengan baik (Osman, 1990).

Selain itu, pengaruh bahasa ibunda juga merupakan faktor kesukaran pelajar dalam memahami dan menguasai konsep pembentukan dan penstrukturan asas ayat bahasa Arab (Normila et al., 2014). Pelajar lebih cenderung melakukan aktiviti terjemahan dari bahasa ibunda dalam proses membina ayat bahasa Arab (Saipolbarin et al., 2018). Kekeliruan fungsi perkataan, pemilihan kata yang kurang tepat menyebabkan pelajar banyak melakukan kesalahan dalam menyusun struktur ayat terutama jika terdapat perkataan yang hampir sama maknanya dengan pelaku bagi kata kerja (Rosni, 2012).

Metode terjemahan ini merupakan salah satu metod yang mudah dan cepat dalam proses pengenalan perkataan (Harmer, 2015; Lubis 2009) tetapi metode ini tidak memberi sebarang hubungan interaksi antara pelajar dengan perkataan yang dipelajari. Hal ini akan menyebabkan pelajar sukar memahami fungsi perkataan (Lubis, 2009) untuk membina struktur ayat asas bahasa Arab.

Struktur ayat bahasa Arab yang mempunyai kesetaraan frasa nama dan frasa kerja juga menjadi salah satu faktor pelajar sukar dan keliru untuk membina ayat bahasa Arab (Rosni, 2012). Kesetaraan dari segi jantina, bilangan, perbuatan dan pelaku kepada perbuatan merupakan satu kemestian bagi membentuk satu struktur ayat yang baik dan betul. Selain itu, kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar juga menyebabkan pelajar lebih banyak menggunakan bahasa ibunda dan bahasa kedua dalam kehidupan seharian. Tahap pemahaman struktur ayat yang rendah (Saipolbarin et al., 2018) juga menyebabkan pelajar menghadapi masalah penguasaan bahasa Arab dengan baik.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan (Creswell, 2011) dengan menggunakan satu set soal selidik.

### **Sampel Kajian**

Populasi kajian ini terdiri daripada 239 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Pendidikan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Seramai 164 orang pelajar telah dipilih secara rawak mudah sebagai sampel kajian. Jumlah sampel yang digunakan memenuhi syarat persampelan mengikut jadual penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970).

### **Instrumen**

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang telah diadaptasi daripada kajian lepas (Gazilah, 2011) dan diubahsuai mengikut kesesuaian kajian yang dijalankan. Instrumen soal selidik ini mempunyai dua bahagian. Bahagian A ialah latar belakang demografi dan bahagian B pula merangkumi masalah pembinaan ayat bahasa Arab. Bahagian ini mempunyai 25 item yang terdiri daripada tiga konstruk utama iaitu leksikal, morfologi dan sintaksis.

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis bertujuan untuk mendapatkan gambaran awal kajian penyelidikan berskala penuh. Selain itu, ia juga dijalankan untuk mengetahui kesesuaian dan kefahaman responden terhadap item-item di dalam soal selidik. Jika terdapat item yang tidak wajar, sukar difahami atau mengelirukan, maka item tersebut boleh diperbaiki atau dikeluarkan dari set soal selidik. Bagi peserta kajian rintis pula, Donald dan Pamela (2003) mencadangkan 25-100 peserta. Manakala, menurut Johanson dan Brooks (2010) saiz sampel minimum untuk kajian rintis adalah 30 peserta.

Oleh itu, penyelidik telah memilih secara rawak 40 pelajar bukan responden sebenar untuk mengambil bahagian dalam kajian rintis untuk mendapatkan kebolehpercayaan instrumen bagi kajian sebenar. Perisian *IBM SPSS Statistik 24* digunakan untuk menganalisis nilai Pekali Alpha Cronbach (*Cronbach's Alpha Coeficient*).

Konstruk	Pekali Alpha Conbach	Bil. Item
Laksikal	0.90	9
Morfologi	0.88	7
Sintaksis	0.91	9
<b>Jumlah Item</b>		<b>25</b>

Jadual 1 Nilai Pekali Alpha Cronbach

Jadual di atas menunjukkan keputusan kebolehpercayaan skala pengukuran. Skor kebolehpercayaan pekali Alpha Cronbach adalah lebih daripada 0.80, yang dianggap sangat baik (Nunnally, 1978). Oleh itu, keputusan menunjukkan bahawa instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini boleh dipercayai.

### DAPATAN KAJIAN

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pembinaan ayat bahasa Arab dalam kalangan pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Dengan Pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Data yang diperolehi daripada 164 orang pelajar yang telah dipilih secara rawak untuk menjawab soal selidik dan diaalisis secara deskriptif menggunakan perisian *IBM SPSS Statistic 24*. Hasil dapat terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A merangkumi latar belakang demografi pelajar dan bahagian B merangkumi tahap pembinaan ayat bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Hasil dapatan adalah seperti berikut.

#### Bahagian A: Latar Belakang Demografi

Bahagian A melaporkan hasil dapatan berkaitan latar belakang demografi. Terdapat lima item pada bahagian A iaitu jantina pelajar, tahun pengajian, gred bahasa Arab SPM, sijil tertinggi sebelum ke UPSI dan ahli keluarga yang mampu berbahasa Arab. Data kuantitatif yang diperolehi di analisis secara deskriptif dan dilaporkan menggunakan frekuensi dan peratusan.

Item	Sub-item	Frekuensi (N)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	33	20.1
	Perempuan	131	79.9
	<b>Jumlah</b>	<b>164</b>	<b>100</b>
Tahun Pengajian	Tahun 1	9	5.5
	Tahun 2	38	23.2
	Tahun 3	15	9.1
	Tahun 4	102	62.2
	<b>Jumlah</b>	<b>164</b>	<b>100</b>
Gred Bahasa Arab SPM	A+	10	6.1
	A	32	19.5
	A-	26	15.9
	B+	64	39
	B	32	19.5
	<b>Jumlah</b>	<b>164</b>	<b>100</b>
Sijil Tertinggi Sebelum ke UPSI	Diploma	2	1.2
	STAM	107	65.3

	STPM	55	33.5
	<b>Jumlah</b>	<b>164</b>	<b>100</b>
Keluarga boleh berbahasa Arab	Ibu	5	3.0
	Bapa	11	6.7
	Penjaga	1	0.6
	Adik-beradik	59	36.0
	Tiada	88	53.7
	<b>Jumlah</b>	<b>164</b>	<b>100</b>

Jadual 2 Latar Belakang Demografi

Jadual 2 di atas menunjukkan hasil dapatan latar belakang demografi pelajar. Jadual 2 menunjukkan majoriti responden kajian ini terdiri daripada pelajar perempuan iaitu sebanyak 79.9% manakala pelajar lelaki hanya 20.1%. Selain itu majoriti responden kajian ini juga terdiri daripada pelajar tahun 4. Hal ini kerana populasi pelajar tahun 4 lebih besar berbanding daripada populasi pelajar tahun 1, tahun 2, dan tahun 3. Seramai 65.3% mempunyai Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), 33.5% mempunyai Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan hanya 1.2% mempunyai Diploma sebelum meneruskan pengajian di UPSI. Seramai 19.5% memperoleh gred A dan B dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam subjek bahasa Arab. Manakala, hanya 6.1% memperoleh gred A+, 15.9% memperoleh gred A-, dan 39% memperoleh gred B+.

Jadual 2 di atas juga menunjukkan majoriti pelajar tidak mempunyai ahli keluarga yang boleh berbahasa Arab iaitu seramai 53.7%. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa mempunyai ahli keluarga yang boleh berbahasa Arab tidak memberi kesan yang signifikan kepada gred SPM pelajar. Jadual 3 di bawah menunjukkan seramai 17 orang pelajar memperoleh gred A dalam SPM tidak mempunyai ahli keluarga yang boleh berbahasa Arab berbanding pelajar yang mempunyai ahli keluarga yang boleh berbahasa Arab iaitu hanya 15 orang sahaja.

Begitu juga bagi pelajar yang memperolehi gred A+, di mana 7 orang pelajar dalam kalangan keluarga tidak boleh berbahasa Arab berbanding pelajar yang memperoleh gred A+ dalam SPM dan mempunyai keluarga yang boleh berbahasa Arab hanya 3 orang sahaja. Jadual dibawah menunjukkan butiran keluarga yang boleh berbahasa Arab dan gred yang diperoleh dalam bahasa Arab dalam SPM.

		Gred Bahasa Arab SPM					Total
		A	A-	A+	B	B+	
Keluarga	Adik-beradik	11	10	1	11	26	<b>59</b>
Boleh	Bapa	3	1	2	0	5	<b>11</b>
Berbahasa	Ibu	0	2	0	1	2	<b>5</b>
Arab	Penjaga	1	0	0	0	0	<b>1</b>
	Tiada	17	13	7	20	31	<b>88</b>
	<b>Total</b>	<b>32</b>	<b>26</b>	<b>10</b>	<b>32</b>	<b>64</b>	<b>164</b>

Jadual 3 Gred Bahasa Arab SPM - Keluarga Boleh Berbahasa Arab

### Bahagian B: Pembinaan Ayat Bahasa Arab

Bahagian B pula melaporkan hasil dapatan berkaitan masalah pembinaan ayat bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Terdapat tiga konstruk utama pada bahagian B iaitu leksikal, morfologi dan sintaksis. Data kuantitatif dianalisis secara diskriptif dan dilaporkan menggunakan min dan sisihan piawai. Nilai interpretasi skor nilai min tahap pembinaan ayat bahasa Arab adalah berdasarkan kriteria penilaian yang dikemukakan Nunally (1978) iaitu 1.00-2.00 (rendah), 2.01-3.00 (sederhana rendah), 3.01-4.00 (sederhana tinggi) dan 4.01-5.00 (tinggi).

Item	Min	Sisihan Piawai
Banyak kosa kata bahasa Arab yang saya faham.	3.51	0.793
Saya sering ingat perbendaharaan kata bahasa Arab ketika membina ayat.	3.57	0.752
Saya mudah untuk mengingati kosa kata bahasa Arab.	3.65	0.789
Saya tahu untuk menyusun kosa kata untuk menjadi ayat fi'liyyat dengan betul.	3.88	0.713
Saya dapat membezakan kata nama ( <i>ism</i> ), kata kerja ( <i>fi'il</i> ) dan partikel ( <i>harf</i> ).	4.36	0.691
Saya dapat membezakan kata nama mufrad, muthanna dan jamak.	4.30	0.728
Saya dapat membezakan kata nama maskulin ( <i>mudhakkar</i> ) dan feminin ( <i>mu'annath</i> ).	4.33	0.684
Saya dapat menguasai perbendaharaan kata bahasa Arab dengan baik.	3.76	0.725
Saya dapat mengenal pasti kata sendi bahasa Arab.	3.93	0.748
<b>Nilai Min Keseluruhan Item</b>	<b>3.92</b>	

Jadual 4 Leksikal

Jadual 4 di atas melaporkan nilai skor min dan sisihan piawai yang diperolehi oleh konstruk leksikal yang mengandungi 9 item. Majoriti pelajar dapat membezakan antara kata nama, kata kerja dan partikel dengan nilai skor min tertinggi 4.36 iaitu di tahap tinggi. Manakala nilai skor min yang paling rendah adalah 3.51 di tahap sederhana tinggi iaitu berkaitan kefahaman pelajar terhadap kosa kata bahasa Arab.

Hal ini menunjukkan tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar UPSI masih di tahap yang sederhana. Nilai min keseluruhan item bagi konstruk leksikal ialah 3.92 iaitu di tahap sederhana tinggi menunjukkan tahap pelajar UPSI dalam pembinaan ayat bahasa Arab dari aspek leksikal masih di tahap sederhana.

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya mengenali kata nama Maskulin ( <i>mudhakkar</i> ) dan kata nama Feminin ( <i>muannath</i> ).	4.45	0.609
Bagi saya mudah untuk menderivasikan kata kerja lepas ( <i>madi</i> ) kepada kata kerja sedang ( <i>mudari'</i> ) dan kata perintah ( <i>amr</i> ).	4.01	0.763
Saya mudah menguasai aspek-aspek tatabahasa bahasa Arab.	3.54	0.704
Saya mudah untuk mengenal pasti kata nama tunggal ( <i>mufrad</i> ), duaan ( <i>muthanna</i> ) dan jamak.	4.20	0.691
Saya dapat membezakan kata kerja sedang ( <i>mudari'</i> ) dan kata kerja lepas ( <i>madi</i> ).	4.34	0.641
Saya dapat menukar kata kerja kata kerja lepas ( <i>madi</i> ) kepada kata kerja sedang ( <i>mudari'</i> ).	4.16	0.676
Saya dapat menukarkan kata nama tunggal ( <i>mufrad</i> ) kepada kata nama duaan ( <i>muthanna</i> ) dan jamak.	4.21	0.696
<b>Nilai Min Keseluruhan Item</b>	<b>4.12</b>	

Jadual 5 Morfologi

Jadual 5 menunjukkan konstruk yang kedua iaitu morfologi mengandungi 7 item. Majoriti pelajar UPSI dapat mengenal antara kata nama maskulin dan kata nama feminin yang mencatat nilai skor min tertinggi iaitu 4.45 di tahap tinggi. Bagi kedudukan seterusnya, item dimana pelajar dapat membezakan kata kerja sedang dan kata kerja lepas dengan mencatat nilai skor min 4.34 iaitu di tahap tinggi.

Manakala, dari aspek penguasaan tatabahasa bahasa Arab mencatat nilai skor paling rendah iaitu 3.54 di tahap sederhana tinggi. Nilai skor min keseluruhan item bagi

konstruk morfologi ialah 4.12 di tahap tinggi. Nilai skor min ini menunjukkan bahawa tahap pembinaan ayat bahasa Arab dari aspek morfologi berada di tahap yang tinggi.

<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Saya tahu untuk membezakan ayat <i>ismiyyat</i> dan ayat <i>fi'liyyat</i> .	4.52	0.611
Saya tahu membina ayat <i>ismiyyat</i> dengan tatabahasa yang betul.	3.96	0.686
Saya tahu membetulkan ayat-ayat yang salah.	3.27	0.727
Saya mengetahui pola-pola ayat bahasa Arab.	3.44	0.754
Saya tahu untuk menyusun kosa kata untuk menjadi ayat <i>fi'liyyat</i> dengan betul.	4.40	0.643
Saya dapat membezakan ayat <i>ismiyyat</i> dan ayat <i>fi'liyyat</i> .	4.20	0.702
Saya dapat membina ayat <i>fi'liyyat</i> .	4.40	0.594
Saya dapat mensuaikan kata nama jamak dengan kata kerja ketika membina ayat <i>ismiyyat</i> .	3.95	0.733
Saya dapat membina ayat <i>ismiyyat</i> .	4.29	0.653
<b>Nilai Min Keseluruhan Item</b>	<b>4.04</b>	

*Jadual 6 Sintaksis*

Jadual 6 menunjukkan konstruk terakhir dalam soal selidik pembinaan ayat bahasa Arab iaitu sintaksis yang mengandungi 9 item. Nilai skor min tertinggi iaitu 4.52 di tahap tinggi berkaitan item perbezaan ayat kata namaan dan ayat kata kerjaan. Kedudukan nilai skor min seterusnya ialah 4.40 di tahap tinggi oleh 2 item iaitu menyusun kosa kata menjadi ayat kata kerjaan yang betul dan kemampuan membina ayat kata kerjaan. Dapatan bagi dua item ini selari dan berkait rapat antara satu sama lain.

Manakala, nilai skor min yang paling rendah ialah 3.27 di tahap sederhana tinggi. Item ini berkaitan kemampuan pelajar untuk memperbetulkan ayat yang salah. Nilai skor min ini menunjukkan tahap pelajar untuk mengesan ayat yang salah dan memperbaikinya berada di tahap yang sederhana. Nilai skor min bagi keseluruhan item ini ialah 4.04 menunjukkan tahap pembinaan ayat bahasa Arab dalam kalangan pelajar dari aspek sintaksis berada di tahap yang tinggi.

<b>Konstruk</b>	<b>Leksikal</b>	<b>Morfologi</b>	<b>Sintaksis</b>
Nilai Skor Min	3.92	4.12	4.04

*Jadual 7 Nilai Skor Min bagi Setiap Konstruk*

Jadual 7 di atas menunjukkan nilai skor min bagi setiap konstruk. Terdapat 3 konstruk yang diukur dalam aspek pembinaan ayat bahasa Arab dalam kalangan pelajar bahasa Arab UPSI iaitu dari aspek leksikal, morfologi dan sintaksis. Berdasarkan jadual di atas, nilai skor min menunjukkan pembinaan ayat bahasa Arab dari aspek morfologi (4.12) dan sintaksis (4.04) berada di tahap yang tinggi manakala dari aspek leksikal berada di tahap yang sederhana (3.92).

Hal ini menunjukkan pelajar mempunyai masalah dalam pembinaan ayat bahasa Arab dari aspek leksikal terutama penggunaan kosa kata yang betul. Manakala dari sudut sintaksis pula, pelajar dapat membina ayat bahasa Arab dengan baik tetapi tidak mampu memperbetulkan kesalahan dalam ayat. Pelajar juga dapat membina ayat bahasa Arab dengan baik dari sudut morfologi tetapi masih lemah dari sudut tatabahasa bahasa Arab.

## **PERBINCANGAN**

Hasil kajian tinjauan yang dilakukan ke atas pelajar bahasa Arab UPSI memberi beberapa implikasi kepada penyelidik dan institusi. Hasil dapatan menunjukkan bahawa mempunyai ahli keluarga yang mampu berbahasa Arab tidak memberi kesan yang signifikan kepada pelajar. Keputusan SPM pelajar UPSI bagi subjek bahasa Arab, majoriti

yang mendapat gred A+ dan A datang daripada keluarga yang tidak boleh berbahasa Arab. Mempunyai ibu bapa atau adik-beradik tidak memberi kesan kepada gred pelajar kerana bahasa Arab merupakan bahasa asing di Malaysia. Oleh itu, majoriti keluarga di Malaysia mempraktikkan bahasa ibunda dalam kehidupan seharian. Bahasa Arab hanya digunakan di sekolah dan di institusi pengajian tinggi.

Selain itu, hasil kajian tinjauan juga menunjukkan penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar UPSI masih berada di tahap sederhana. Isu penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar bukanlah isu yang baru. Kajian lepas menunjukkan penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah masih di tahap sederhana (Saifuddin, 2002; Zawawi et al., 2004; Rahim, 2009; Noor et al., 2016).

Manakala, isu penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi juga masih belum mencapai target dan tahap yang memuaskan (Zailani, et al., 2016; Siti Aisyah & Zamri, 2016). Isu ini akan membawa kepada permasalahan pembinaan ayat bahasa Arab terutama dari aspek penggunaan kosa kata yang kurang tepat dalam kemahiran menulis seterusnya gagal untuk memahami maksud kosa kata tersebut (Ismail et al., 2012).

Walaupun pelajar UPSI mampu untuk menguasai aspek morfologi, seperti perbezaan antara *mufrad-muthanna*-jamak, maskuli-feminin dan kata kerja *madi* dan *mudari'* tetapi pelajar masih lemah untuk menguasai tatabahasa bahasa Arab. Pelajar hanya faham dari sudut teori tetapi gagal mengaplikasikannya dalam pembinaan ayat bahasa Arab yang betul dan gramatis (Saipolbarin et al., 2018). Perihal ini dapat dilihat dalam penulisan artikel pelajar dalam projek tahun akhir.

Perkara ini selari dari sudut sintaksis dimana nilai min skor mencatatkan tahap yang tinggi dari sudut kefahaman dan perbezaan antara ayat namaan dan ayat kerjaan tetapi dari sudut aplikasi ilmu sintaksis masih di tahap sederhana. Nilai skor min menunjukkan kemampuan pelajar untuk memperbaiki ayat yang salah masih di tahap yang sederhana (3.27).

Walaupun bagaimanapun, hasil keseluruhan kajian tinjauan ini menunjukkan bahawa pembinaan ayat bahasa Arab dalam kalangan pelajar UPSI dari aspek morfologi dan sintaksis berada di tahap yang tinggi manakala dari aspek leksikal berada di tahap yang sederhana. Namun begitu, dari sudut praktikal masih perlu dipertingkatkan agar pelajar dapat menguasai empat kemahiran bahasa utama dengan baik bukan sahaja dari aspek teori malah mampu untuk mempraktikkannya dalam pembelajaran dan profesion pada masa akan datang.

## **PENUTUP**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti masalah pembinaan ayat bahasa Arab dalam kalangan pelajar UPSI dari aspek leksikal, morfologi dan sintaksis. Hasil kajian menunjukkan majoriti pelajar mampu menguasai teori-teori tatabahasa bahasa Arab dengan baik tetapi dari aspek praktikal masih berada di tahap yang sederhana. Oleh itu, penyelidik menyarankan agar pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab bergerak seiring dari aspek teori dan praktikal. Penguasaan teori yang baik dan kemampuan untuk mempraktikkan dapat meningkatkan tahap kemahiran berbahasa Arab. Selain itu, penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar juga harus dipertingkatkan. Saiz kosa kata yang luas dapat memudahkan proses pembelajaran bahasa Arab itu sendiri di samping dapat meningkatkan tahap pembinaan ayat bahasa Arab.

Oleh itu, penyelidik mencadangkan agar satu kajian lanjutan dijalankan berkaitan pengajaran dan pembelajaran tatabahasa bahasa Arab berasaskan pola ayat dengan menggunakan teks. Penggunaan pola ayat ini berbentuk praktikal berdasarkan teori yang telah dipelajari bagi mengukur tahap penguasaan dan pembinaan ayat bahasa Arab. Selain itu, kajian eksperimen juga boleh dijalankan dalam kalangan pelajar bahasa Arab di UPSI bagi mengenal pasti tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab. Kajian ini boleh dijalankan dengan menggunakan format *Vocabulary Knowledge Scale* (Wesche & Paribakht, 1996) untuk menyatakan sejauh mana tahap pengetahuan terhadap kosa kata tersebut.



## **PENGHARGAAN**

Penghargaan kepada Kompleks Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) Universiti Pendidikan Sultan Idris UPSI, bagi pembiayaan Geran Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) UPSI 2018 (Kod Penyelidikan: 2018-0188-107-01).

## **REFERENCES**

- Awang, N. A., Mohamed, M. H. & Sulaiman, R. 2013. *Enhancing Arabic Speaking Skills among Malay Students Through Group Work Activities*. International Journal of Humanities and Social Science, 3(21), 212-219.
- Baharuddin, S. 2012. *Analisis Kontrasif Struktur Asas Ayat Bahasa Arab dan Melayu*. Kuala Lumpur: Tesis Sarjana: Universiti Malaya.
- Chua, Y. P. 2014. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1: Asas Penyelidikan*. 3rd ed. Selangor: Mc Graw-Hill Education.
- Creswell, J. W. 2011. *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Boston: Pearson Education.
- Daud, N. & Pital, N. A. 2014. *Permasalahan Pertuturan Dalam Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua*. Gema Online Journal of language Studies, 14, 117-133.
- Din, N. M. N., Embong, R., Sulaiman, R. H. R., Awang N. A., Talib, M. T., Mustafa, Z. & Noruddin, N. 2014. *Keberkesanan Kaedah Main Peranan dalam Pembelajaran Kemahiran Lisan Arab*. Seminar Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014 (pp. 428-436). Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Donald, D. R. & Pamela, S. S. 2003. *Business Research Method*. New York: The McGraw-Hill.
- Gazilah, M. I. 2011. *Pembinaan dan Penilaian Modul Pengajaran Pola Ayat Bahasa Arab*. Kuala Lumpur: Tesis PhD Tidak Diterbitkan: Universiti Malaya.
- Hanan, M. 2011. *Asbab Khawf Lada Talabah Jami'ah Malaya fi Kuliyyah Islamiyyah fi Muhadathah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Harmer, J. 2015. *The Practice of English Language Teaching*. United Kingdom: Pearson Education ESL.
- Ishak, S. A. & Arifin, Z. 2016. *Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dan Hubungannya Dengan Kemahiran Menulis*. Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa dan Sastra Arab Kepada Penutur Bukan Arab 2016 (pp. 212-218). Kelantan: Universiti Malaya.
- Ismail, A., Mat, A. C. & Pa, M. T. 2012. *Membina Kemahiran Pertuturan Menerusi Aktiviti Lakonan Dalam Pengajaran Bahasa*. GEMA Online Journal of Language Studies, 12(1), 325-337.
- Johanson, G. A. & Brooks, G. P. 2010. *Initial Scale Development: Sample Size for Pilot Studies*. Educational And Psychological Measurement, 70(3), 394 - 400.
- Kamarul Syukri M. T., Mohamed Amin, E., Nik Mohd Rahimi, N. Y., & Zamri M. 2009. *Strategi Metafizik: Kesenambungan Penerokaan Domain Utama Pembelajaran Bahasa*. GEMA Online™ Journal Of Language Studies, 9(2), 1-13.
- Kamarulzaman, A. G. 2011. *Kebolehbacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Berasaskan Ujian Klot dalam Kalangan Pelajar di SMKA*. GEMA Online™ Journal of Language Studies, 11(2), 53-66.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. *Determining Sample Aize for research Activities*. Educational and Psychological Measurement, 30(3), 607-610.
- Lubis, M. A. 2009. *Teaching and Learning Arabic language Through Multicultural Approach and Applying ICT in Pesantren Institution*. International Journal of Education and Information Technologies, 3, 171-178.
- Malaysia, K. P. 2002. *Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi: Kertas dasar Kurikulum Semakan Di Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: JAPIM.
- Mohd Shahrizal N., Muhammad Sabri S. & Mohd Firdaus, Y. 2015. *Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Rancangan Al-Arabiyyah Fi Al-Radio: Analisis Awal Pendengar*. Jurnal Sains Humanika, 83-90.

- Muhammad Zahri, A. K. & Muhammad Haron, H. 2016. *Tahap Penguasaan Penulisan Karangan Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Agama Menengah*. e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, 3(1), 123-138.
- Nafi @ Hanafi D., Mohd Feham M. G., Muhammad Sabri S., Rusni H., Abdul Wahab Z., & Zakaria O. 2017. *Prototype Development of Mobile App for Trilingual Islamic Banking and Finance Glossary of Terms via iOS and Android Based Devices*. International Journal of Interactive Mobile Technologies (IJIM), 145-161.
- Naimah, A. 2003. *Analisis Sintaksis Bahasa Arab Dan Implikasi Kesilapannya ke Atas Makna*. Kuala Lumpur: Tesis yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Nik Mohd Rahimi, N. Y., Zamri, M. & Kamarulzaman, A. G. 2008. *Motivasi Pembelajaran Kemahiran Mendengar Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Pencapaian Pelajar*. Jurnal Pendidikan, 33, 3-18.
- Noor, Z. A. M., Yusoff, N. M. R. N., Yasim, I. M. M., & Kamarudin, M. Y. 2016. *Foreign Language Vocabulary Learning Strategies in Malaysia*. Creative Education, 7, 428-434.
- Normila, N, Nik Murshidah, N. D., Raja Hazirah, R. S. & Zaiton, M. 2014. *Pengaruh Bahasa Ibunda Terhadap Pembinaan Struktur Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar UniSZA*. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014 (pp. 1-10). Universiti Kebangsaan Malaysia & Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Nunnally, J. C. 1978. *Psychometric Theory*. 2nd ed. New York: McGraw-Hill.
- Osman, K. 1990. *Ta'lim Al-Lughah Al-Arabiyyah fi Jami'ah Al-Mahalliyah; Qadiyyah Al-Jamiah Al Wataniyyah*. Kertas Kerja Seminar Peningkatan Pengajaran Bahasa Arab. Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa.
- Rahim, R. 2009. *Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Murid Sekolah Kebangsaan Menerusi Program j-QAF: Satu Kajian Kes*. Kuala Lumpur: Unpublished M.A Dissertation: Universiti Malaya.
- Rosni, S. 2012. *Pembinaan Ayat Bahasa Arab Dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama*. GEMA Online™ Journal of Language Studies, 12(2), 555-569.
- Saifuddin, S. 2002. *Penguasaan Perbendaharaan Kata Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Pelajar Tingkatan Tiga: Satu Kajian Kes di Sekolah Menengah Kebangsaan (Agama) Negeri Melaka*. Kuala Lumpur: Unpublished M.A Dissertation: Universiti Malaya.
- Saipolbarin, R, Zarima, M. Z., Nazri, A. & Mohammad Sidik, A. 2018. *Aplikasi Formula Pola Ayat Dalam Penulisan Teks Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSU)*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, 5(1), 175-184.
- Siti Aisyah, I. & Zamri, A. 2016. *Saiz Kosa Kata Bahasa Arab dan Hubungannya Dengan Kemahiran Menulis*. Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa dan Sastera Arab Kepada Penutur Bukan Arab 2016 (pp. 212-218). Kelantan: Universiti Malaya.
- Wan Abdul Hayyi W. O., Khoirun Nisak M. S., & Majdan P. R. 2012. *Masalah Pengajaran Kosa Kata Arab dan Beberapa Cadangan Penyelesaian Dinamika Pendidikan Bahasa Arab Menelusuri Inovasi Profesionalisme Keguruan*. Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Wesche, M. & Paribakht, T. S. 1996. *Assessing Second Language Vocabulary Knowledge: Depth Versus Breadth*. The Canadian Modern Language Review, 53(13), 13-40.
- Zailani, A. R., Rahman, K. A., Husaini, M. H., Elias, K. A., Samsudin. S., & Rahman, M. Z. A. 2016. *Pembelajaran Kosa Kata Arab Berbantuan Aplikasi*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016 (IRSYAD2016) (pp. 1845-1859). Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Zawawi, I., Mohd Sukki, O., Abd Raof H. A. 2004. *Masalah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Prosiding Program Seminar Kebangsaan Pengajaran Bahasa. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Zunita M. M., Harun B., Maimun Aqsha L., & Nurul Kamalia Y. 2016. *Teaching and Learning Arabic Vocabulary: From a Teacher's Experiences*. Creative Education, 7, 482-490.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*